

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

**BAHASA MELAYU 1**

**2 jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.*

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kelestarian alam sekitar di sekolah.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kelestarian alam sekitar di sekolah**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula dan inisiatif penambahbaikan yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia. Sambutan HASN adalah bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama menyemai semangat cinta akan alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada :  
<https://www.doe.gov.my>

**PROGRAM 1 MURID 1 POKOK****AKTIVITI GOTONG-ROYONG**

**Bahagian B****[70 markah]**

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**1.**

Sektor pelancongan merupakan sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor ini telah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan ketibaan 26.1 juta pelancong antarabangsa. Antara manfaat sektor pelancongan adalah dapat menjana pendapatan negara, dan berupaya mempromosikan budaya Malaysia. Selain itu, dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan kepada rakyat.

*Sumber: Melancong.com*

Berdasarkan petikan di atas, sektor pelancongan mendatangkan pelbagai faedah kepada rakyat dan negara.

Bincangkan.

**2.**

Aktiviti pertanian di negara ini amat dititikberatkan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan. Buktinya, menerusi bajet 2021 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 640 juta untuk merancakkan sektor pertanian dan industri makanan negara. Peruntukan yang diberikan ini bertujuan untuk membantu golongan peladang, penternak dan nelayan. Hal ini jelas membuktikan kesungguhan pihak kerajaan untuk memperkuuh industri pertanian di negara ini demi memastikan bekalan makanan kepada penduduk tidak terjejas sekali gus negara dapat mengeluarkan hasil dalam negara sendiri.

( Dipetik dan diubah suai daripada :  
“Rancak Sektor Pertanian dan Makanan”,  
*Sinar Harian* 7 Ogos 2021 )

Selain saranan yang dinyatakan di atas, huraiakan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menarik minat golongan remaja menceburি bidang pertanian di negara ini.

**3.**

Peningkatan jenayah siber kini semakin membimbangkan masyarakat. Jenayah siber merupakan jenayah seperti menggodam komputer, mencuri kata laluan untuk perbankan Internet, penyalahgunaan kad kredit untuk pembelian dalam talian, peras ugut, keganasan siber dan penyamaran sebagai pihak berkuasa.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menghasilkan rencana yang bertajuk ‘Peranan Masyarakat Mengelakkan Penipuan Jenayah Siber’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**4.**

Pemimpin merupakan individu yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir sesebuah organisasi. Seorang pemimpin yang baik dan berwibawa perlu mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap aspek kehidupan serta mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada:  
<https://www.bharan.com.my>

Sebagai respons kepada pernyataan di atas,uraikan ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**